

DATE: **17 NOVEMBER 2014 (MONDAY)**

MEDIA: **UTUSAN MALAYSIA – IMIGRESEN AKUI KEWUJUDAN ‘TAIKUN’, BIJAK LOLOS DIRI – PG.07**

**Imigresen akui kewujudan 'taikun', bijak lolos diri**

**IPOH 16 Nov.** – Jabatan Imigresen mengakui kewujudan 'taikun' warga asing yang mengaut keuntungan daripada penerokaan tanah secara haram untuk pertanian di Cameron Highlands selain menjadi punca ramai pendatang asing tanpa izin (PATI) meloloskan diri dalam operasi jabatan tersebut di situ, minggu lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Imigresen Bahagian Kawalan, Datuk Sakib Kusmi berkata, walau bagaimanapun pihak terlibat bijak serta licik sehingga sukar untuk dijejaki dan dikesan.

Beliau memberitahu, dalam operasi pihaknya, jabatan itu hanya berjaya memberkas PATI yang bekerja di premis-premis tepi jalan.

"Taikun ini licik, sudah pasti dia telah bersiap sedia dengan segala perancangan 'melenyapkan diri' apabila tersebarnya pendedahan media berhubung kebanjiran warga asing di Cameron Highlands," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

*Mingguan Malaysia* hari ini mendedahkan kewujudan seorang 'taikun' dipercayai warga Bangladesh yang mampu hidup mewah dengan menjalankan aktiviti pertanian.

Didakwa memperoleh pendapatan RM20,000 sehari

**Taikun 'Bangla' di Cameron Highlands**

Oleh SITI ROHAIIZAH ZAINAL  
KUALA LUMPUR 15 NOV.

EKSKLUSIF info TAIKUN BAN

KERATAN Mingguan Malaysia semalam.

'Taikun' itu dipercayai menguasakan sendiri ladang yang disewa daripada warga tempatan di Cameron Highlands sejak beberapa tahun lalu.

Menurut Sakib, pihaknya tidak menolak kemungkinan wujudnya kerjasama antara 'taikun' berkenaan dengan peneroka tempatan bagi mengelakkan kegiatan serta kewujudannya dihidu pihak berkuasa.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan berlakunya kebocoran maklumat dalam kalangan agensi penguat kuasa sehingga membolehkan 'taikun' berkenaan serta pekerja warga asing lain mengetahui operasi yang bakal dilakukan.

"Kemungkinan itu ada. Tetapi tidak pasti sejauh mana penglibatan pegawai-pegawai agensi tertentu dalam perkara ini. Jabatan Imigresen akan terus melakukan pemeriksaan dan pemantauan di kawasan berkenaan dari semasa ke semasa," jelas beliau.



AB. AZIZ YUSOFF (kiri) berbual dengan seorang pekerja yang bekerja di sebuah kebun sayur di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

## Pengusaha ladang sayur Lojing juga ghairah ambil pekerja asing

**GUA MUSANG 16 Nov.** - Keghairahan pengusaha ladang sayur yang mengambil pekerja asing bekerja mewujudkan rasa tidak selesa dalam kalangan penduduk di sekitar Tanah Tinggi Lojing di sini.

Dianggar kira-kira 2,000 orang pekerja asing memonopoli peluang pekerjaan di 90 kebun sayur yang terletak bersempadan dengan Tanah Tinggi Cameron Highlands, Pahang itu.

Kedatangan sekumpulan pihak media yang ingin membuat tinjauan tetapi dihidu oleh pekerja asing menyebabkan ada antara mereka bertindak menyembunyikan diri dan menyusup lari melalui celah-celah kebun sayur, sekali gus menguatkan lagi andaian kebanyakan mereka tidak mempunyai permit sah.

Tinjauan mendapati, gaji berpututan yang ditawarkan oleh pengusaha ladang membuatkan pekerja asing dari Bangladesh, India, Myanmar dan Indonesia membanjiri

kawasan tanah tinggi itu.

Seorang pekerja asing dari Bangladesh, Sulhil Miya, 25, berkata, gaji yang diterima sebanyak RM1,100 sebulan menyebabkan dia dan tujuh lagi rakan selesa bekerja di situ.

"Sudah empat tahun saya bekerja di sini dan gaji kami dibayar sebanyak RM36 sehari."

"Kemudahan tempat tinggal serta layanan baik yang diberikan majikan menyebabkan saya terus kekal bekerja di kebun ini," katanya.

Seorang anak muda dari Kampung Bahong, Zainal Timur, 20, berkata, walaupun terdapat banyak ladang di kawasan itu yang diibaratkan seperti cendawan tumbuh selepas hujan, majoriti pekerja di situ adalah warga asing.

"Kebanyakan majikan di sini gemar mengupah pekerja asing kerana boleh menawarkan gaji yang lebih rendah menyebabkan penduduk tempatan tiada pekerjaan dan terpaksa bekerja di luar."

"Kami kesal apabila penduduk

tempatan tidak dapat merasai limpahan kemajuan yang dibawa masuk dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada kami," katanya yang bekerja di Kampung Raja, Cameron Highlands.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Ab. Aziz Yusoff yang turut meninjau kawasan tanah tinggi berkenaan menggesa pihak berkuasa membuat pemantauan terhadap permit pekerja asing.

"Pemaju ladang sayur gemar menggunakan pekerja asing dengan alasan mengurangkan kos kerana gaji yang sedikit murah tetapi kemajuan tidak dapat dirasai oleh penduduk setempat."

"Malah, saya menjangkakan jika kemasukan warga asing ini tidak dikawal boleh menimbulkan kerumitan dari segi masalah sosial khususnya menjah kerana sebelum ini pernah berlaku kes pergaduhan warga asing dengan orang tempatan di Tanah Tinggi Lojing ini," katanya.

## Jangan lebihkan warga asing

**KANGAR 16 Nov.** - Konvensyen UMNO Perlis hari ini mengambil ketetapan menggesa kerajaan memberi lebih perhatian membasmi kemiskinan dalam kalanngan warga tempatan daripada menumpukan kepada warga asing yang kini mendapat limpahan nikmat hasil pembangunan negara ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kerajaan seharusnya memberi tumpuan membantu rakyat sendiri, bukannya warga asing.

"Begitu juga dengan subsidi yang hanya perlu dinikmati oleh rakyat, sedangkan warga asing juga menikmatinya.

"Jadi, perlu diberi perhatian supaya rakyat benar-benar dapat dibantu," katanya dalam sidang akhbar selepas perasmian Konvensyen UMNO Perlis oleh Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman di sini hari ini.



SHAHIDAN KASSIM

Yang turut hadir Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Perlis, Datuk Seri Azlan Man.

Selain itu, kata Shahidan, konvensyen tersebut meminta wakil Malaysia termasuk pemimpin supaya bertutur dalam bahasa Melayu ketika menjalankan tugas di luar negara.

"Mereka (wakil Malaysia) boleh bercakap dalam bahasa Melayu dan gunakan penterjemah sebagai perantara dengan wakil asing di luar negara.

"Walaupun ramai wakil kita (Malaysia) yang boleh berbahasa Inggeris, kita harus berbangga untuk menggunakan bahasa ibunda," katanya.

Dalam perkembangan lain, kata Shahidan, rakyat Perlis kini perlu mengetuai institusi tertentu termasuk institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini jika mahu melihat Perlis menjadi negeri maju.

"Ini kerana banyak institusi termasuk IPTA diketuai oleh orang luar sedangkan terdapat anak Perlis yang berkelayakan," tambah beliau.

## VISI MALAYSIA - Pg. 07 - 17 NOV 2014 kaedah berkesan tangani PATI

**HIGHLANDS 16 Nov.** - Perlu segera bertindak mencari kaedah penyelesaian dalam menangani kebanjiran pendatang izin (PATI) yang sudah rah di pusat peranginan

Pertubuhan Pribumi Malaysia (Perkasa), Datuk berkata, dalam menangani kerajaan perlu serius ura langkah terbaik dan agi memastikan kebanjiran dapat diatasi.

"keluar masuk rakyat ke negara ini perlu ada etapi amat pelik kerana enjadi satu-satunya neudah dimasuki PATI,"

majlis silaturahim dan mesyuarat khas tahunan Perkasa Cameron Highlands di pekarangan surau Kampung Sedia di sini hari ini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Perkasa Pahang, Mejar Fauzi Mohd. Yassin dan Pengerusi Perkasa Cameron Highlands, Mohd. Faizal Idris.

Menurut Ibrahim, kedatangan PATI ke negara ini adalah melalui dua cara iaitu secara haram dan tinggal melebihi tempoh masa ditetapkan.

Justeru, katanya, masalah ketirisan dan penguatkuasaan yang lemah boleh menyebabkan kebanjiran PATI di negara ini semakin



IBRAHIM ALI

Selain itu, katanya, ketiadaan perancangan rapi dan teliti dalam usaha membawa masuk pekerja asing untuk bekerja di negara ini menyebabkan masalah PATI tidak berakhir.

Tambahnya, tindakan undang-undang kurang tegas juga menyebabkan PATI tidak takut tindakan yang akan dikenakan selepas memasuki negara secara haram.

"Kalau kita lihat, kenapa mereka tidak mahu masuk ke Singapura dan yang melalui Thailand untuk ke Malaysia tidak berhenti di sana (Thailand)? Ini kerana mereka takut dikenakan tindakan tegas di

# **Tangani segera lambakan pekerja asing**

**KUALA LUMPUR 16 Nov.** – Kerajaan diminta bertindak segera bagi menangani isu lambakan pekerja asing di seluruh negara yang dilihat semakin serius sehingga menjelaskan peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat tempatan.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dalam kenyataan hari ini mendakwa, dasar kerajaan berhubung pengambilan pekerja asing menjadi salah satu punca perkara itu berlaku.

MTUC memberitahu, agensi-agensi pekerjaan turut menyumbang kepada masalah tersebut apabila mereka membawa masuk ramai pekerja asing semata-mata untuk memperoleh keuntungan besar.

“Majikan juga menggunakan taktik seperti skim pemberhentian sukarela (VSS) bagi menyingkirkan pekerja-pekerja tempatan dan menggantikan mereka dengan pekerja asing dengan gaji yang amat rendah.

“Banyak kesatuan telah membuat laporan kepada Kementerian Sumber Manusia tentang perkara ini namun Jabatan Perhubungan Perusahaan dan Mahkamah Perusahaan berpandangan, entiti perniagaan mempunyai hak mutlak untuk menyusun semula organisasi mereka,” ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, MTUC berpandangan, kecenderungan majikan untuk merujuk kes-kes berkaitan perjanjian bersama (CA) ke Mahkamah Perusahaan telah melemahkan kuasa kesatuan sekerja melakukan tawar menawar.

Sehubungan itu, MTUC meminta kementerian menangani perkara tersebut dengan sewajarnya agar kebijakan dan kesejahteraan para pekerjaan tidak diabaikan.